جامعة العلوم الاسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

# SEMINAR KEBATINAN SERANTAU

- *Tema*

Ke Arah Pembasmian Kebatilan dalam Ajaran Kebatinan

- *Tarikh*

15-16 Septembar 2000
16-17 Jamadilakhir 1421

- *Tempat*

Dewan Kuliah 1
Institut Profesional Baitulmal
Jalan Perkasa, Off Jalan Kg. Pandan
55100 Kuala Lumpur

- *Anjuran*

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM)

- *Dengan Kerjasama*

Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Bhd.



جامعة العلوم الاسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA (KUIM)**
BANGUNAN INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL
JALAN PERKASA, OFF JALAN KG. PANDAN
55100 KUALA LUMPUR

Reka Bentuk dan DiCetak oleh MALINDO PRINTER SDN. BHD.



# KATA-KATA ALUAN TIMBALAN PERDANA MENTERI

***Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh***

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih di atas kesudian Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) menjemput saya untuk menyampaikan kata-kata aluan dalam Buku Cenderamata sempena **Seminar Kebatinan Serantau.**

Saya juga mengucapkan tahniah kepada Kolej Universiti Islam Malaysia yang telah berjaya mengadakan seminar pertamanya. Seminar ini tepat pada masanya, memandangkan di negara kita terdapat badan-badan yang menganjurkan ajaran-ajaran kebatinan.

Mudah-mudahan seminar ini akan dapat mengeluarkan resolusi-resolusi yang boleh dijadikan panduan dan penyelarasan, bukan sahaja kepada badan-badan penganjur ajaran kebatinan tetapi juga kepada kumpulan lain serta orang-orang perseorangan.

Sekian, terima kasih.

**Y.A.B. DATO' SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI**

Perpustakaan KUIM
Unit Arkib



# KATA-KATA ALUAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

***Assalamualaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh***

Terlebih dahulu saya ucapkan terima kasih kerana diberikan penghormatan untuk memberikan kata-kata aluan dalam Buku Cenderamata sempena **Seminar Kebatinan Serantau.**

Memandangkan bahawa seminar ini begitu penting, maka saya telah meminta supaya Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Bhd. memberikan kerjasama sepenuhnya bagi menjayakan seminar ini.

Saya juga mengucapkan **TAHNIAH** kepada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) yang telah mengambil sikap prihatin terhadap isu semasa yang banyak melibatkan pengamal-pengamal ajaran kebatinan di rantau ini.

Mudah-mudahan seminar ini dapat mencari jalan dan panduan kepada mereka yang terlibat dengan ajaran kebatinan dan masyarakat Islam keseluruhannya.

Sekian, terima kasih.

**Y.B. DATO' PADUKA DR. ABDUL HAMID BIN OTHMAN**

# Autograf

Seminar Kebatinan Serantau

# PENGENALAN RINGKAS KUIM

Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) merupakan sebuah Universiti Islam Malaysia yang pertama ditubuhkan oleh Kerajaan Malaysia di permulaan abad ke-21. Ia merupakan IPTA yang ke-12 di negara ini dan didaftarkan dengan nama Kolej Universiti Islam Malaysia. Di antara tujuan penubuhan KUIM ialah untuk memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara dan menekankan penggunaan teknologi maklumat dalam sistem pengajaran dan penyelidikannya, penguasaan bahasa Arab dan Inggeris di samping Bahasa Kebangsaan juga menjadi tumpuan. Dalam usaha mempastikan matlamat tersebut terlaksana, KUIM menetapkan bahawa enrolmen pelajarnya adalah terhad supaya tumpuan khusus dapat diberikan untuk membina keterampilan, kebolehan dan disiplin serta keimanan yang jitu di kalangan pelajar.

### *Matlamat dan objektif*

1. Memartabatkan Pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara
2. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap mahasiswa yang dikeluarkan.
3. Menjadikan KUIM sebagai mercu sinar ilmu Islam yang terunggul dalam penggunaan teknologi maklumat.
4. Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

### *Program Akademik*

Di peringkat awal penubuhannya, KUIM hanya menawarkan program akademik peringkat pra-siswazah secara sepenuh masa. Program-program berkenaan mempunyai kaitan rapat dengan pembangunan negara dalam bidang keislaman. Selaras dengan itu, tiga buah fakulti di tubuhkan dengan menawarkan pengajian dalam bidang seperti berikut:

1. Syariah dan Kehakiman
2. Pengajian Quran dan Sunnah
3. Dakwah dan Pengurusan Islam

KUIM memberikan tumpuan utama kepada pengajian peringkat siswazah. Adalah dirancangkan 40 peratus daripada enrolmen pelajar-pelajarnya adalah calon-calon pasca-siswazah. Ini bermakna selain daripada tanggungjawab mendidik, KUIM juga akan menjadi institusi penyelidikan yang utama sebagai teras pengukuhan bidang pengajiannya.

### Jawatankuasa Hadiah & Buku Cenderamata

1. Marina Yusop — Pengerusi
2. Yussairrena Putri Yusof
3. Fairuz Zehan Jalaluddin
4. Raja Mariam Raja Mohd Esa
5. Latip Bujang
6. Mohd Azmani Abdullah

### Jawatankuasa Kertas Kerja & Jurulapor

1. Ustaz Alwi Abd. Rahman — Pengerusi
2. Ustaz Mohd. Alwi Yusof
3. Yussairrena Putri Yusof
4. Raja Mariam Raja Mohd Esa
5. Zuraidah Mohd Salleh
6. Noor Ashikin Musbah
7. Roslina Ahmad

### Jawatankuasa Kewangan

1. Dr. Mohamed Zain b. Mohamed Ali — Pengerusi
2. Siti Nurbaya Ismail
3. Zairul Hisham
4. Azreen Fillzah Ahmad Azizan
5. Md. Akhair b. Desa

# Jawatankuasa Kecil Seminar Kebatinan Serantau

### Jawatankuasa Jamuan

| | |
|---|---|
| 1. Puan Asma' bt. Abd. Rahman | Pengerusi |
| 2. Puan Zainab bt. Ismail | |
| 3. Cik Hermawatimazuen bt. Bahari | |
| 4. Cik Nor bt. Abdul Rahman | |
| 5. Cik Siti Rohani bt. Rashid | |
| 6. Cik Razianti bt. Wizi | |
| 7. En. Razal b. Miasin | |
| 8. Encik Mohd Azlan Shahir b. Kinjang | |
| 9. Encik Mohd Dina b. Sidek | |

### Jawatankuasa Protokol / Publisiti dan Logistik

| | |
|---|---|
| 1. Encik Muhammad Haizun b. Rozali | Pengerusi |
| 2. Encik Baharuzi Amri b. Baharuddin | |
| 3. Encik Ramzi b. Sulaiman | |
| 4. Encik Rosdi b. Abdullah | |
| 5. Encik Marwan b. Tahir | |
| 6. Encik Mohd Kadri b. Abd. Rahman | |
| 7. Cik Zailin bt. Ibrahim | |
| 8. Cik Bazliah bt. Ahmad Mahmud | |
| 9. Cik Norzita Hafizah bt. Abd. Radzuan | |
| 10. Encik Syed Mohd. Najib b. Syed Omar | |

### Urusetia Seminar

| | |
|---|---|
| 1. Tuan Hj. Idris b. Mamat | Pengerusi |
| 2. Mohd Radzif b. Mohd Razali | Setiausaha |
| 3. Siti Nadia bt. Abu Bakar | |
| 4. Hermawatimazuen bt. Bahari | |

# JAWATANKUASA INDUK
# SEMINAR KEBATINAN SERANTAU

**Penasihat : Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Yusof Noor**

**Pengerusi : Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**

1. Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah b. Muhammad Zin
   Pengarah
2. Encik Idris b. Mamat
   Setiausaha
3. Encik Mohd Radzif b. Mohd Razali
   Penolong Setiausaha
4. Dr. Mohamed Zain b. Mohamed Ali
   Ahli Jawatankuasa Kewangan
5. Encik Alwi b. Abd. Rahman
   Ahli Jawatankuasa Kertas Kerja & Jurulapor
6. Encik Muhammad Haizun b. Rozali
   Ahli Jawatankuasa Protokol/Publisiti & Logistik
7. Puan Marina bt. Yusop
   Ahli Jawatankuasa Hadiah & Buku Cenderamata
8. Puan Asma bt. Abd. Rahman
   Ahli Jawatankuasa Jamuan

# ATURCARA SEMINAR KEBATINAN SERANTAU

## 16 September 2000

| | | | |
|---|---|---|---|
| 8.30 pagi | Pembentangan kertas kerja Sesi III | | |
| | Pembentang | : | Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin (KUIM) |
| | Tajuk | : | Kerohanian Islam: Hakikat dan Kekeliruan |
| | Pembentang | : | Y. Bhg. Dr. Haji Ali Ya'kub Matondang M.A. (Indonesia) |
| | Tajuk | : | Penyelewengan Akidah dan Syariah dalam Aliran Kebatinan di Indonesia |
| | Pembentang | : | Y. Bhg. Drs. Fakhrurrozy M.A. (Indonesia) |
| | Tajuk | : | Pengalaman Organisasi Islam di Indonesia dalam Menangani Perkembangan Kebatinan |
| | Pengerusi | : | Tuan Haji Mohd Alwi Yusof (KUIM) |
| 10.30 pagi | Jamuan Ringan | | |
| 11.00 pagi | Ucapan oleh<br>Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin<br>Rektor KUIM | | |
| 11.20 pagi | Ucapan penutup oleh<br>Y.B. Dato' Paduka Dr. Abd. Hamid Othman<br>Menteri di Jabatan Perdana Menteri | | |
| 11.50 pagi | Penyampaian Cenderamata | | |
| 12.00 tgh. | Makan dan Bersurai | | |

# ATURCARA SEMINAR KEBATINAN SERANTAU

## 15 September 2000

| | |
|---|---|
| 8.00 pagi | Pendaftaran Peserta |
| 9.00 pagi | Ketibaan Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi<br>Timbalan Perdana Menteri Malaysia |
| 9.05 pagi | Bacaan ayat-ayat suci Al-Quran |
| 9.10 pagi | Tayangan Video |
| 9.25 pagi | Ucapan Aluan Oleh<br>Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor<br>Pengerusi Lembaga Pengarah, KUIM |
| 9.35 pagi | Ucapan Perasmian Oleh<br>Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi<br>Timbalan Perdana Menteri Malaysia |
| 10.05 pagi | Penyampaian Cenderamata |
| 10.15 pagi | Jamuan Ringan |
| 10.30 pagi | Pembentangan kertas kerja Sesi I<br>Pembentang : Y. Bhg. Prof. Dr. Abdul Fattah Haron Ibrahim (UKM)<br>Tajuk : Wahdat Al-Wujud dan Penyerapannya dengan Cara Batiniyah<br>Pengerusi : Y. Bhg. Tuan Haji Mohd Shahir Abdullah (JAKIM) |
| 12.30 tgh. | Makan, solat dan rehat |
| 2.30 petang | Pembentangan kertas kerja sesi II<br><br>Pembentang : Y. Bhg. Dato' Dr. Ismail Ibrahim (IKIM)<br>Tajuk : Krisis Pemikiran Umat Islam Kini<br><br>Pembentang : Yang Di Muliakan Pehin Orang Kaya Paduka Setia Raja Dato Paduka Seri Raja Setia Ustaz Haji Awang Suhaili Bin Haji Mohiddin (Brunei)<br>Tajuk : Al-Bathiniyah dan Pengaruhnya di Negara Brunei Darussalam<br><br>Pembentang : Y. Bhg. Ustaz Mohd. Haniff Hassan (Singapura)<br>Tajuk : Penyelewengan Kebatinan di Singapura<br>Pengerusi : Profesor Zakaria Stapa (UKM) |
| 5.30 petang | Minum Petang |

*Seminar Kebatinan Serantau*



# KATA-KATA ALUAN TIMBALAN REKTOR KUIM

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh***

Syukur Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia Allah S.W.T dapat kita menjayakan Seminar Kebatinan Serantau yang julung kali diadakan oleh KUIM dengan kerjasama Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Bhd.

Seminar ini merupakan manifestasi komitmen KUIM dalam usaha menyatukan fikrah bagi menghadapi kepalsuan dan kebatilan ajaran kebatinan serantau dan seterusnya merangka dan merancang pendekatan yang lebih komprehensif dalam menghadapi ajaran sesat pada masa akan datang.

Penyertaan dan penglibatan peserta-peserta tempatan dan wakil-wakil daripada beberapa buah negara serantau seperti Indonesia, Singapura dan Brunei Darussalam menunjukkan bahawa umat Islam khususnya di rantau ini masih mempunyai ikatan akidah dan sejarah yang padu, walaupun kita dipisahkan oleh sempadan geografi negara.

Saya yakin dan percaya dengan sokongan dan kerjasama daripada semua pihak, permasalahan kebatinan dan ajaran sesat dapat ditangani dengan jayanya.

Semoga seminar ini akan berjaya mencapai objektifnya.

Sekian, terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin**
Pengarah Seminar



# KATA-KATA ALUAN REKTOR KUIM

*Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*

Seminar Kebatinan Serantau ialah seminar yang julung kali dianjurkan oleh Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM). Walaupun KUIM masih baru ditubuhkan, namun ia berkewajipan untuk menyumbangkan kepakarannya kepada masyarakat dan negara, terutama di dalam isu semasa yang berkaitan dengan Islam.

Kekeliruan segolongan masyarakat Islam dalam memahami kebatinan dan kerohanian Islam telah membawa kepada implikasi yang negatif dalam masyarakat. Diharapkan Seminar Kebatinan Serantau ini akan dapat menjelaskan hakikat sebenar tentang kebatinan dan kerohanian di dalam Islam. Beberapa orang tokoh serantau dalam bidang berkaitan telah dijemput khusus untuk menyumbangkan pendapat mereka.

Saya bagi pihak KUIM mengalu-alukan kehadiran serta kerjasama semua pihak bagi menjayakan seminar ini dan bagi pihak KUIM juga, saya ingin menyampaikan penghargaan setinggi-tingginya kepada Jawatankuasa Seminar, penulis-penulis kertas kerja dan semua pihak yang turut sama menjayakan seminar ini. Terutama kepada Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Bhd. dan Lembaga Pengarah KUIM. Akhirnya saya berdoa agar seminar ini benar-benar dapat menghasilkan sesuatu yang memberi manfaat kepada kita semua.

Sekian, terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor bin Hj. Husin**
Pengerusi Seminar



# KATA-KATA ALUAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH KUIM

***Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh***

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayatNya dapatlah KUIM menganjurkan seminar ini dengan kerjasama Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan Bhd. Seminar yang bertemakan "Ke Arah Pembasmian Kebatilan dalam Ajaran Kebatinan" dipilih berdasarkan bukan sahaja kerana ianya merupakan satu isu semasa yang hangat diperkatakan di Malaysia pada masa kini, tetapi juga disebabkan oleh ajaran kebatinan yang mendapat liputan begitu meluas di kalangan masyarakat Melayu/Islam di rantau ini.

Semoga seminar yang pertama kali dianjurkan oleh KUIM ini dapat memberi manfaat kepada semua pihak demi untuk memartabatkan agama, bangsa dan negara.

Sekian, terima kasih.

**Y. Bhg. Dato' Dr. Mohd Yusof Noor**
Penasihat Seminar

*Seminar Kebatinan Serantau*